

“Kepentingan Menyimpan Untuk Persaraan Secara Patuh Syariah”

24 Zulkaedah 1443H/24 Jun 2022M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Di negara kita Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan badan berkanun yang diamanahkan untuk membantu tenaga kerja Malaysia menabung untuk persaraan selaras dengan Akta KWSP 1991.

Terdapat dua jenis caruman yang diterima oleh KWSP iaitu:

PERTAMA: Caruman wajib daripada tenaga kerja di dalam sektor swasta dan pekerja tidak berpenyen sektor awam yang terdiri daripada caruman pekerja dan majikan.

KEDUA: Bagi menggalakkan rakyat Malaysia menabung untuk persaraan, KWSP juga ada menyediakan skim caruman secara sukarela dengan insentif khas seperti skim **i-Saraan** iaitu caruman sukarela bagi mereka yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap; dan **Kasih Suri Keluarga Malaysia KWSP** bagi golongan suri rumah.

Bagi membolehkan ahli mempunyai simpanan persaraan patuh syariah, KWSP juga telah menyediakan akaun KWSP yang diuruskan mengikut prinsip syariah iaitu **Akaun Simpanan Syariah** bermula pada 1 Januari 2017.

Setelah 5 tahun Akaun Simpanan Syariah diperkenalkan, ahli KWSP beragama Islam di negeri Pahang, hanya 15% sahaja yang telah

bertukar kepada Akaun Simpanan Shariah. Keadaan ini amatlah menyedih dan membimbangkan, kerana masih ramai daripada kita yang masih membiarkan simpanan persaraan mereka diuruskan secara konvensional yang tidak patuh syariah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ، لَا يُبَالِي الْمَرْءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ، أَمِنَ الْحَلَالِ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ

Yang bermaksud: *“Akan datang suatu zaman nanti di mana seseorang sudah tidak lagi mengambil peduli apa (pendapatan) yang diperolehinya, sama ada daripada sumber halal ataupun haram”.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Bagi ahli KWSP beragama Islam, Akaun Simpanan Shariah bukanlah suatu pilihan tetapi ianya adalah suatu kewajipan.

Ahli KWSP beragama Islam perlu sedar akan kewajipan untuk segera beralih ke Akaun Simpanan Shariah.

Akaun Simpanan Shariah akan membantu ahli menyediakan simpanan persaraan yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya termasuk untuk menunaikan ibadah haji dan umrah tanpa sebarang keraguan dan was-was ke atas sumber dana.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengingatkan kita akan peri pentingnya untuk meninggalkan perkara yang haram dan syubhat dalam menyelamatkan agama dan kehormatan umat Islam.

Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim daripada Abu Abdullah Nu'man bin Basyir Radhiallahu anhu dia berkata, saya mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *"Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhat (samar-samar) yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang. Maka siapa yang takut terhadap syubhat bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhat, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan."*

Antara perkara yang sering dikaitkan dengan pelaburan konvensional ialah unsur *riba* (faedah), *maysir* (perjudian) dan *gharar* (ketidak pastian di dalam kontrak) yang sering terdapat di dalam pelaburan di sektor perbankan dan insuran serta sistem kewangan konvensional. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 278:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ

Yang bermaksud: "*Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada ALLAH dan tinggalkanlah sisa-sisa riba, jika kamu orang yang beriman*"

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang memutuskan bahawa harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan dengan menyerahkan kepada Baitulmal.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah bersama-sama kita memastikan simpanan kita diuruskan secara patuh syariah khususnya simpanan persaraan bagi ahli KWSP dengan beralih kepada akaun Simpanan Shariah supaya bersih dan diberkati.

Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 172:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِنَّ كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman! Makanlah daripada benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika kamu benar-benar hanya beribadah kepada-Nya.*”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.